

CQ World-Wide DX Contest 2024

SSB: Oktober 26-27 CW: November 23-24

Mula 00:00:00 UTC **Sabtu** Tamat 23:59:59 UTC **Ahad**

- I. OBJECTIVES:** Stesen radio amatur seluruh dunia membuat seberapa banyak contact dengan stesen radio amatur lain mengikut zon CQ dan negara.
- II. BANDS:** Hanya di band (jalur) berikut: 1.8, 3.5, 7, 14, 21 and 28 MHz. Pematuhan pada pelan jalur yang telah ditetapkan adalah sangat diharapkan.
- III. CONTEST EXCHANGE:** SSB: RST bersama nombor Zon CQ (e.g., 59 05). CW: RST bersama Zon CQ (e.g., 599 05).

IV. SCORING:

A. Score: Skor akhir ialah hasil daripada jumlah mata QSO didarab dengan jumlah pengganda zon (+) dengan negara. Contoh: 1000 mata QSO * (30 Zon + 70 Negara) = 100,000 (skor akhir).

B. QSO Points: Setiap contact hanya sekali pada setiap band. Mata QSO ditentukan berdasarkan lokasi stesen contact.

1. Contact antara stesen dari benua berbeza dikira tiga (3) mata.
2. Contact antara stesen dari benua yang sama tetapi dari negara yang berbeza dikira satu (1) mata. Pengecualian: Contact antara stesen dari negara berbeza dalam wilayah Amerika Utara dikira dua (2) mata.
3. Contact antara stesen dari negara yang sama diberi mata sifar (0), tetapi dikira untuk mata multiplier zon dan negara. **C. Multiplier:**

Terdapat dua jenis multiplier.

1. Zon: multiplier satu (1) untuk setiap Zon CQ berbeza yang dikontak pada setiap band. Peraturan CQ Worked All Zones adalah digunapakai.
2. Negara: multiplier satu (1) untuk setiap negara berbeza yang dikontak pada setiap band. Senarai entiti DXCC, senarai multiplier Worked All Europe (WAE) tambah dengan IG9/IH9, dan sempadan benua piawai digunakan

untuk menentukan pengganda negara. Stesen bergerak maritim hanya dikira untuk pengganda zon.

V. ENTRY CATEGORY:

- A. Single Operator Category:** Seorang (pengendali radio) sahaja yang mengendali radio dan sistem log. Tiada had masa dikenakan atau mengubah band. Hanya satu transmissi signal sahaja dibenarkan pada bila-bila masa.
1. **Single Operator:** Sistem bantuan mencari QSO dalam apa jua bentuk adalah dilarang (lihat VIII.2).
 - a. **High Power (All Band atau Single Band):** Jumlah kuasa tidak boleh melebihi 1500 watt.
 - b. **Low Power (All Band atau Single Band):** Jumlah kuasa tidak boleh melebihi 100 watt.
 - c. **QRP (All Band atau Single Band):** Jumlah kuasa tidak boleh melebihi 5 watt.
 2. **Single Operator Assisted:** Peserta dalam kategori ini boleh menggunakan sistem bantuan mencari QSO (lihat VIII.2).
 - a. **High Power Assisted (All Band atau Single Band):** Jumlah kuasa tidak boleh melebihi 1500 watt.
 - b. **Low Power Assisted (All Band atau Single Band):** Jumlah kuasa tidak boleh melebihi 100 watt.
 - c. **QRP Assisted (All Band atau Single Band):** Jumlah kuasa tidak boleh melebihi 5 watt.
- B. Single Operator Overlay Categories:** Mana-mana peserta *Single Operator Overlay Categories* yang memenuhi keperluan BOLEH menyertai salah satu kategori yang ditunjukkan di bawah dengan menambah kategori *OVERLAY*

yang sesuai dalam fail log Cabrillo. Entri kategori *overlay* akan disenaraikan secara berasingan dalam keputusan; markah dimasukkan dalam kategori All Band; dan mengikut *High Power* atau *Low Power* (termasuk QRP).

1. Classic Operator (CLASSIC): Peserta hanya menggunakan satu radio, tiada sistem bantuan mencari QSO, dan boleh beroperasi sehingga 24 daripada 48 jam – masa rehat adalah sekurang-kurangnya 60 minit di mana tiada QSO dilogkan. Jika log menunjukkan lebih daripada 24 jam operasi, hanya 24 jam pertama akan dikira untuk skor *overlay*. Menerima panggilan semasa transmisi signal adalah dilarang. Kategori *Single Operator Assisted* tidak layak untuk kategori ini.

2. Rookie (ROOKIE): Pengendali pertama kali dilesenkan sebagai radio amatir kurang daripada tiga (3) tahun sebelum tarikh contest. Nyatakan tarikh dilesenkan dalam medan SOAPBOX. Pemenang *Rookie* sebelum ini tidak layak mendapat plak dalam kategori ini.

3. Youth (YOUTH): Pengendali berumur 25 tahun ke bawah sebelum tarikh contest. Nyatakan tahun lahir dalam ruang SOAPBOX.

C. Multi-Operator Categories (all-band operation only): Bilangan pengendali adalah tiada had. Bantuan mencari QSO dibenarkan. Hanya satu transmisi isyarat dibenarkan dihantar bagi setiap jalur pada bila-bila masa.

1. Multi-Single: Hanya satu transmisi isyarat sahaja dihantar pada satu band yang dibenarkan dalam mana-mana tempoh 10 minit (*run station/signal*). Pengecualian: Satu — dan hanya satu — transmisi isyarat dihantar (*multiplier station/signal*) dalam mana-mana tempoh 10 minit, jika — dan hanya jika — ia berada pada band yang berbeza daripada *run station/signal* dengan tujuan untuk mendapatkan pengganda baharu. *Run station/signal* dan *multiplier station/signal* dikawal oleh peraturan 10 minit. Tempoh sepuluh minit bermula dengan QSO pertama pada mana-mana band. Log mesti menunjukkan setiap QSO dibuat oleh stesen/isyarat (*run atau multiplier*). Stesen/isyarat pengganda tidak boleh memanggil CQ. Sila pastikan anda membaca bahagian Soalan Lazim Berbilang Operator-Satu di <cqww.com/rules_faq.htm>.

- a. **High Power:** Jumlah kuasa tidak boleh melebihi 1500 watt pada mana-mana band pada bila-bila masa.
 - b. **Low Power:** Jumlah kuasa tidak boleh melebihi 100 watt pada mana-mana band pada bila-bila masa.
2. **Multi-Two:** Maksimum dua transmisi isyarat boleh dihantar pada dua band berbeza pada bila-bila masa. Log mesti menunjukkan setiap QSO dibuat oleh stesen/isyarat. Setiap stesen/isyarat boleh membuat perubahan maksimum 8 band dalam tempoh satu jam (00 hingga 59 minit). Jumlah kuasa keluaran tidak boleh melebihi 1500 watt pada mana-mana band dan pada bila-bila masa.
3. **Multi-Multi:** Enam band boleh diaktifkan secara serentak. Hanya transmisi satu isyarat dihantar bagi setiap band dibenarkan pada bila-bila masa. Jumlah kuasa keluaran tidak boleh melebihi 1500 watt pada mana-mana band dan pada bila-bila masa.
- D. **Explorer:** Kategori *Explorer* membolehkan stesen amatir menyertai peraduan CQ WW dengan menggalakkan inovasi dalam strategi pengendalian, reka bentuk stesen dan penyesuaian teknologi. Untuk peraturan penuh Explorer, pergi ke <cqww.com/explorer.htm>.
- E. **Checklog:** Log dihantar hanya untuk membantu penyemakan log peserta lain. Penyertaan ini tidak akan mengira markah log dan log tidak akan didedahkan kepada umum.

VI. AWARDS:

Log *Single-Band* hanya layak untuk anugerah *Single Band* sahaja. Log yang mengandungi lebih daripada satu band akan dinilai sebagai entri *All-Band* melainkan dinyatakan sebagai entri *Single-Band*.

- A. **Certificates:** Sijil elektronik disediakan untuk dimuat turun oleh semua peserta yang menghantar log penyertaan sebelum tarikh akhir.

- B. Plaques:** Plak dianugerahkan kepada peserta terbaik dalam beberapa kategori. Lihat senarai plak dan penaja semasa di <cqww.com/plaques.htm>. Hanya satu plak akan diberikan bagi setiap kategori. Stesen yang memenangi plak tidak akan dipertimbangkan untuk anugerah sub-kawasan; plak akan diberikan kepada naib johan di kawasan tersebut.

VII. CLUB COMPETITION:

Club Score adalah jumlah agregat keseluruhan skor yang dihantar oleh ahli kelab. Terdapat 2 kategori dalam Club Competition iaitu :

- A. **USA Clubs** : Ianya terhad kepada ahli yang tinggal atau berada sekitar lingkungan 250 km radius dari lokasi club.
- B. **DX Clubs** : Ianya terhad kepada ahli yang sama DXCC atau yang berada sekitar 400 km radius dari lokasi club. **C. General club rules :**

1. Organisasi Kebangsaan (contoh, JARL, REF atau DARC) tidak layak untuk Club Competition.
2. Single-Operator hanya boleh sumbangkan mata untuk satu kelab sahaja. Multi-operator pula boleh sumbangkan mata mengikut kelab masing-masing. Senarai nama kelab - kelab tersebut perlulah ditulis secara penuh dalam log
3. Sekurang-kurang empat log mesti diterima untuk membolehkan kelab disenaraikan dalam keputusan. Log yang dihantar sebagai checklog tidak akan dikira.
4. Pemastautin adalah individu yang tinggal secara tetap disesuatu tempat.

VIII. DEFINITIONS OF TERMS:

1. **Station Location** : Kawasan dimana radas komunikasi itu terletak. Semua radas-radas tersebut mestilah berada dalam lingkungan 500m. Antenna pula mestilah disambung secara fizikal kepada radas-radas tersebut.
2. **QSO finding assistance** : ianya akan terpakai bagi operator yang menggunakan apa-apa sahaja kaedah untuk mencari atau mengenalpasti mana-mana station dengan bantuan CW Decoder, DX Cluster, DX Spotting Web site, CW Skimmer atau Reverse Beacon Network.

GENERAL RULES FOR ALL ENTRANTS:

1. Setiap peserta mestilah beroperasi mengikut had limit yang ditetapkan pada setiap kategori yang dipilih.
2. Setiap penyertaan mestilah menggunakan callsign yang berbeza untuk setiap kategori. Hanya callsign tersebut digunakan dalam pengiraan markah.
3. Jangan memancar melebihi kuasa pancaran yang ditetapkan bagi setiap kategori.
4. Self-spotting atau meminta rakan untuk spot adalah dilarang sama sekali.
5. Remote Operation dibenarkan jika transceiver dan antenna berada pada station yang sama. Operator remote-station mestilah menggunakan callsign yang sah mengikut lokasi station remote tersebut.
6. Hanya satu pancaran sahaja dibenarkan bagi setiap band. Jika ada banyak transceiver yang ingin memancar pada band yang sama, maka ianya mestilah memancar tidak secara serentak atau tidak pada waktu yang sama atau pada frequencies yang berlainan tetapi band yang sama.
7. Remote receiver yang berada jauh dengan lokasi station adalah tidak dibenarkan.
8. Semua aktiviti yang berkaitan contest seperti pertukaran nombor, menjawab panggilan dan sebagainya mestilah dilakukan pada masa contest itu berlangsung serta mengikut frequency dan mode yang digunakan untuk contest.
9. Selepas contest tamat, tidak dibenarkan untuk membuat pembetulan callsign dan exchange dengan cara email kepada station tersebut, mendengar semula rakaman, melihat semula rakaman video serta apa jua kaedah yang membolehkan callsign/exchange dibetulkan selepas contest.
10. Bagi station kawasan ITU Region 1, anda tidak dibenarkan memancar pada frequency 7200 KHz dan ke atas bagi SSB (phone).
11. Bagi station kawasan ITU Region 1, anda tidak dibenarkan memancar pada frequency 1810 KHz dan ke bawah semasa contest.

X. LOG INSTRUCTIONS:

Semua log mestilah dihantar secara elektronik

1. Setiap log yang dihantar MESTI mengandungi perkara berikut:
 - a) Tarikh dan masa dalam UTC
 - b) Band atau frequency

- c) Callsign station yang dihubungi
- d) Exchange number

Log yang tidak lengkap butiran diatas akan dikelaskan ke kategori Checklog. Bagi station yang ingin bersaing untuk award World dan Continent, station tersebut perlulah memasukkan frequency tepat.

2. Peserta bagi kategori single band perlu hantar semua contact yang diperoleh semasa di band tersebut, jika tidak sengaja contact pada band lain, log tersebut perlu juga dihantar. Contact hanya akan dikira berdasarkan kategori yang tercatat pada header cabrillo sahaja. Jika semua log itu pada satu band, maka los tersebut akan dikira sebagai single band.

3 Semua log mesti menggunakan format Cabrillo semasa penghantaran. Sila rujuk <cqww.com/cabrillo.htm> untuk cara-cara mengisinya. Jika salah isi, besar kemungkinan akan dikelaskan sebagai Checklog atau akan masuk kategori yang lain dan salah.

Note : Station dari USA perlu menyatakan lokasi station dalam header CABRILLO (contoh, LOCATION:OH) manakala bagi station lain, hanya letakkan DX sahaja.

4 Kaedah penghantaran log hanya melalui web upload. Log yang telah dihantar boleh disemak pada halaman berikut, <cqww.com/logcheck/>

5. Arahan bagi log electronic NON-CABRILLO: Jika anda tidak berupaya untuk menghantar log dalam format CABRILLO, sila hubungi Contest Director untuk hantar log tersebut dalam format yang lain.

6. Pengesahan : semua log yang dihantar akan disahkan dengan penghantaran email. Senarai log yang dihantar boleh disemak pada <cqww.com>

7. Menarik balik log : setiap peserta boleh menarik balik log mereka dalam masa 30 hari selepas tarikh tutup penghantaran. Sila hubungi Contest Director untuk arahan selanjutnya.

XI. LOG DEADLINE:

1. Semua peserta mestilah menghantar log mereka sekurang-kurangnya 5 hari selepas tamat contest iaitu pada sebelum 2359 UTC 1 November 2024 dan 2359 UTC 29 November 2024. Log yang dihantar selepas masa dan tarikh tersebut dianggap sebagai late log.

2 Segala urusan penambahan masa deadline penghantaran log mestilah dipohon di

<cqww.com/contact>. Penambahan masa penghantaran log mestilah mendapat kelulusan dari Contest Director.

3 Log yang dihantar selepas tarikh tutup akan disenaraikan dalam keputusan, tetapi ianya tidak layak untuk menerima sebarang award.

XII. JUDGING:

CQ WW DX Contest Committee bertanggungjawab di atas segala urusan log seperti memeriksa log dan mengadili log. Peserta diingatkan supaya mematuhi segala peraturan contest. Pelanggaran undang-undang contest semasa contest akan diambil tindakan yang tegas oleh committee CQ WW. Contoh perlanggaran undang-undang contest adalah seperti dibawah.

A. Unsportsmanlike Conduct:

- 1) Membuat confirmation contact pada atau selepas contest melalui telefon, Internet, instant messaging, chat room, VoIP, email, social media, dan Web site.
- 2) Memancar diluar frequency yang dibenarkan oleh lesen peserta.
- 3) Menukar masa dalam log untuk manipulasi pertukaran band atau off time rule.
- 4) Ambil kesempatan dengan log station multi dan biasa tanpa melakukan contact.
- 5) Tidak menyebut callsign mereka selepas membuat 3 contact.

B. Audio Recordings: Setiap peserta single operator (lihat V.A.1) yang bertanding untuk top 5 bagi level (a) World, (b) Continent, bagi (c) USA termasuklah Classic Overlay mestilah merakam semua aktiviti tx dan rx semasa contest berlangsung. Rakaman mestilah dalam mana-mana format audio seperti mp3 dan sebagainya. Rakaman mestilah mengandungi kedua-dua perbualan. Semasa “time off” ianya tidak perlu dirakam. Rakaman akan dipinta oleh committee dalam masa 90 hari selepas tarikh tutup penghantaran log. File rakaman mestilah dihantar dalam masa 5 hari selepas dipinta oleh committee. Kegagalan menghantar rakaman akan menyebabkan station tersebut dibatalkan atau ditukar ke kelas lain.

C. Disciplinary Actions: Jika ada berlaku perlanggaran undang-undang. Peserta tersebut akan dibatalkan mengikut budi bicara committee, dimana:

- 1) Peserta yang dibatalkan itu akan disenaraikan dalam keputusan dan tidak layak untuk menerima award.
- 2) Committee akan menghantar email kepada peserta yang dibatalkan itu. Peserta diberi masa 5 hari untuk membuat rayuan. Selepas 5 hari, keputusan adalah muktamad. 3) Committee berhak diatas segala keputusan samada menukar kategori berdasarkan pemeriksaan log dan juga sumber-sumber lain yang berkaitan.

D. Log Checking: Semua log diperiksa dengan menggunakan perisian tertentu dan juga penilaian oleh individu yang bertanggungjawab memeriksa log.

1. Duplicate contact akan dikeluarkan dan tidak akan dikenakan penalti
2. Contact yang salah exchange akan dikeluarkan tanpa dikenakan penalti
3. Contact yang salah callsign atau tidak ada dalam log akan dikeluarkan dan dikenakan penalti 2 kali nilai mata yang diperoleh semasa contact.

XIII. DECLARATION:

Apabila log dihantar, ianya akan disemak dan dinilai oleh CQ WW DX committee. Setiap peserta secara tidak langsung dianggap telah:

1. Membaca dan mematuhi serta setuju dengan semua peraturan contest
2. Beroperasi mengikut undang-undang dan peraturan radio amatur kawasan station tersebut.
3. Bersetuju yang setiap log yang dihantar itu akan dipamerkan secara terbuka
4. Menerima seadanya setiap keputusan committee berkaitan pembatalan atau apa-apa isu yang berkaitan. Jika peserta tidak dapat menerima keputusan tersebut, maka peserta boleh untuk tidak menghantar log tersebut atau menghantarnya sebagai checklog sahaja.

Sebarang pertanyaan mengenai undang-undang CQ WW DX Contest bolehlah dihantar melalui <cqww.com/contact.htm>. Bagi soalan-soalan lazim yang sering ditanya, anda boleh semak di <cqww.com/rules_faq.htm>

Disediakan oleh 9M2ZAK dan 9M2LAN